

ASPIRASI KERJAYA DALAM KALANGAN PELAJAR BERMASALAH
PENDENGARAN DI POLITEKNIK

NURUL HARIZA BINTI HAMID

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2012

ABSTRAK

Pengenalan kepada beberapa kursus untuk pelajar pendidikan khas di politeknik memberi ruang kepada pelajar bermasalah untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran mereka. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti aspirasi kerjaya dalam kalangan pelajar bermasalah pendengaran di politeknik berdasarkan tiga elemen penting dalam teori sosial kognitif kerjaya serta untuk melihat faktor dominan yang mendokong ke arah tercapainya matlamat tersebut. Responden kajian adalah kalangan 102 pelajar khas bermasalah pendengaran dari semester 1,2 dan 4 di 3 buah politeknik yang menawarkan Program Pendidikan Khas iaitu Politeknik Johor Bahru, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen untuk mengumpulkan data dari responden. Data mentah yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *SPSS Statistical Package For Social Science 16.0 for Windows*. Analisis yang dijalankan adalah berbentuk diskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar bermasalah pendengaran ini mempunyai harapan yang tinggi ke arah kecenderungan untuk mencapai aspirasi kerjaya. Justeru itu, pelbagai pihak memainkan peranan penting dalam melahirkan sumber manusia yang berkompentensi dalam pelajaran dan bercita-cita tinggi untuk menempuhi alam pekerjaan kelak.

ABSTRACT

An introduction of Special Education course in polytechnics provides a room for troubled students to enhance their knowledge and skills. Technical and Vocational Education plays a vital role in producing human resources of capable-doing in every aspect of education and inspired them in facing a real working world. Therefore, this study conducted to explore the career aspirations of the students with hearing problems in polytechnics based on three important elements in social cognitive career theory, and also to see the domain factors lead to the attainment of these goals. 102 respondents was choose among student with hearing problems in semester 1,2 and 4 in three polytechnics that offer Special Education Program. Those 3 polytechnics Politeknik Johor Bahru, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, and Politeknik Ungku Omar. Research items are collected using questionnaires and analysed using Statistical Package For Social Science 16.0 for Windows (SPSS) software to get the mean score, percentage and frequency of the result. T-tests for independent samples (Independent Samples T-test) was used to analyse the data collected .the result of this study shows that students with hearing problems have high tendency in achieving their career aspirations. The result also shows that female students are more likely to achieve their career aspirations than the male students . apart from that, this study has found out that family supports has great influence to students with hearing problem in their academic achievement.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	3
	1.3 Pernyataan masalah	7
	1.4 Objektif kajian	8
	1.5 Persoalan kajian	9
	1.6 Hipotesis kajian	

1.7	Kerangka teori	9
1.8	Kepentingan kajian	10
1.9	Skop kajian	11
1.10	Batasan kajian	11
1.11	Definisi operasi	12
1.12	Rumusan	14
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	15
2.1	Pengenalan	15
2.2	Program Pendidik Khas, Kementerian pendidikan Malaysia	15
2.3	Pendidikan vokasional untuk pelajar khas Bermasalah pendengaran	16
2.4	Senario pembangunan kerjaya	17
2.5	Peranan sekolah menengah dalam penyediaan pendidikan tertiar, pembelajaran sepanjang hayat dan peluang pekerjaan	18
2.6	Peranan Pendidikan tertiar dalam pembelajaran Sepanjang hayat dan pembangunan kerjaya	19
2.7	Program pendidikan Khas, Politeknik Malaysia	21
2.8	Aspirasi kerjaya	22
2.9	Teori aspirasi kerjaya	23
	2.9.1 Teori psikologi	23
	2.9.2 Teori sosial kognitif kerjaya	24
2.10	Dorongan keluarga	30
2.11	Kemudahan pengajaran dan pembelajaran	31
2.12	Pencapaian pelajar	32
2.13	Tinjauan kajian lalu	33
2.10	Rumusan	34

BAB 3	METODOLOGI	35
3.1	Pengenalan	35
3.2	Reka bentuk Kajian	36
3.3	Kerangka Kerja Operasi	36
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	39
3.5	Tempat/ lokasi Kajian	40
3.6	Instrumen Kajian	41
3.6.1	Borang soal selidik	43
3.6.2	Kebolehpercayaan	43
3.6.3	Kesahan	44
3.7	Prosedur kajian	44
3.7.1	Kajian rintis instrumen	44
3.7.2	Kajian sebenar	45
3.8	Kaedah pengumpulan data	45
3.9	Kaedah Analisis Data	46
3.9.1	Analisis bagi kesahan kajian rintis	46
3.9.2	Analisis bagi boring soal selidik	46
3.10	Jangkaan dapatan	48
3.11	Rumusan	48
BAB 4	ANALISIS DATA	49
4.1	Pengenalan	49
4.2	Analisis kebolehpercayaan soal selidik	50
4.3	Analisis latar belakang	50
4.3.1	Taburan responden mengikut jantina	50
4.3.2	Taburan responden mengikut umur	51
4.3.3	Taburan responden mengikut politeknik	52
4.3.4	Taburan responden mengikut kursus	53
4.4	Analisis tinjauan kepercayaan keupayaan diri Pelajar	54

4.5	Analisis tinjauan jangkaan hasil	56
4.6	Analisis tingkahlaku pelajar	57
4.7	Analisis perbezaan jantina ke arah mencapai aspirasi Kerjaya	58
4.8	Analisis skor min pencapaian akademik pelajar	59
4.8.1	Analisis faktor dorongan keluarga	60
4.8.2	Analisis faktor pengajaran dan pembelajaran	61
4.9	Rumusan	62
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	64
5.1	Pengenalan	64
5.2	Perbincangan	64
5.2.1	Latar belakang responden	65
5.2.2	Tahap kepercayaan diri pelajar bermasalah pendengaran	65
5.2.3	Tahap jangkaan hasil	69
5.2.4	Tingkah laku pelajar dari aspek kematangan kerjaya	70
5.2.5	Perbezaan di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam kecenderungan ke arah mencapai aspirasi kerjaya	71
5.2.6	Faktor dominan yang mempengaruhi pencapaian pelajar.	71
5.3	Kesimpulan	73
5.4	Cadangan	74
5.5	Cadangan kajian lanjutan	75
5.6	Pentutup	76
	RUJUKAN	78
	LAMPIRAN	85

SENARAI JADUAL

2.1	Jadual kursus Sijil Kemahiran Politeknik KPTM bagi pelajar khas bermasalah pendengaran	21
3.1	Taburan sampel dan populasi kajian	39
3.2	Pemarkahan item-item Skala Likert	41
3.3	Item-item soal selidik	42
3.4	Nombor setiap item bagi indikator kepercayaan keupayaan diri	43
3.5	Interpretasi skor <i>Alpha Cronbach</i>	45
3.6	Analisis skor <i>Alpha Cronbach</i>	46
3.7	Kedah Penentuan Analisis	47
4.1	Bilangan responden mengikut jantina	50
4.2	Bilangan responden mengikut umur	51
4.3	Bilangan responden mengikut politeknik	52
4.4	Bilangan responden mengikut kursus	54
4.5	Skor min bagi kepercayaan keupayaan diri	55
4.6	Skor min bagi jangkaan hasil	57
4.7	Skor min bagi tingkahlaku	58
4.8	Skor perbezaan kecederungan akademik berdasarkan jantina	59
4.9	Faktor dorongan keluarga	60
4.10	Skor min kemudahan pengajaran dan pembelajaran	61
4.11	Jadual perbandingan faktor-faktor	62

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konsep kajian	10
3.1	Kerangka kerja operasi	38
4.1	Taburan responden mengikut jantina	51
4.2	Taburan responden mengikut umur	52
4.3	Taburan responden mengikut politeknik	53
4.4	Taburan responden mengikut kursus	54

SENARAI SINGKATAN

UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
H_0	-	Hipotesis nul
H_a	-	Hipotesis alternatif
OKU	-	Orang Kurang Upaya
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi.
KPM		Kementerian Pelajaran Malaysia
PPSA	-	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
PUO	-	Politeknik Ungku Omar.
PJB	-	Politeknik Johor Bahru

SENARAI LAMPIRAN

A	Carta Gantt Projek Sarjana 1 dan 2
B	Jadual Krejcie Morgan
C	Soal Selidik
D	Kesahan soal selidik (Pakar)
E	Surat kebenaran membuat kajian
F	Indeks Kebolehpercayaan (Kajian Rintis)
G	Analisis Data (Kajian Sebenar)

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Setiap manusia di dunia ini dijadikan oleh Allah S.W.T dengan tujuan yang tertentu di mana kewujudan manusia itu sendiri yang bergelar ‘khalifah’ merupakan suatu amanah. Tuntutan amanah itu mengkehendaki kita berusaha menjalani dan mengisi kehidupan ini dengan sebaik mungkin di dalam lingkungan syariat Islam tanpa mengira taraf insan normal atau Orang Kurang Upaya (OKU) kerana kedua-duanya memikul amanah yang sama iaitu mencari keredhaan Allah S.W.T demi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat (Noraini & Haslina, 2010).

Pendidikan adalah hak asasi semua manusia dan dari segi falsafahnya, semua insan di dunia ini mempunyai hak untuk belajar dan mengetahui sesuatu yang baru. Apabila berbicara tentang peluang pendidikan terhadap pelajar OKU, mereka juga mempunyai minat, hasrat dan cita-cita yang setanding dengan individu normal. Mereka juga harus diberikan peluang yang sama dengan individu normal lain supaya mereka tidak tersisih daripada arus pembelajaran nasional kerana ada dalam kalangan mereka mempunyai kecerdasan kognitif yang setanding dengan individu yang normal malah mereka mampu melebihi pencapaian pelajar normal (Lokman & Nurul Qistina, 2009). Oleh yang demikian, pelajar OKU ini perlu diberi peluang pendidikan yang setanding dengan rakan mereka yang normal . Walau bagaimanapun, kini timbul persoalan setakat mana pendidikan dan perkhidmatan khas yang disediakan untuk pelajar khas bagi menjamin mereka boleh meningkat dalam kehidupan, berdikari dan menjadi manusia yang produktif. Namun perlu diingat, golongan ini bukan meminta untuk diberi simpati oleh masyarakat. Mereka hanya perlukan ruang dan peluang untuk meneruskan hidup dengan cara mereka sendiri.

Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (2008), menyatakan OKU termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan yang boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan serta kewujudan mereka dalam masyarakat. Golongan ini dapat dibahagikan kepada beberapa kategori mengikut kekurangan yang dialami seperti kecacatan perkembangan (terencat akal), cacat anggota, cacat penglihatan, cacat pembelajaran, cacat pendengaran, bisu dan autism. Bagi kanak-kanak bermasalah pendengaran, perkembangan pertuturan dan bahasanya ialah lambat.

Kebiasaannya, individu yang mengalami masalah pendengaran atau lebih dikenali sebagai pekak akan merasakan dirinya terasing daripada kelompok masyarakat. Orang yang mengalami masalah pendengaran selalu disalah anggap oleh orang normal kerana kecacatan mereka tidak ketara seperti golongan yang bermasalah penglihatan dan juga terencat akal. Kehilangan pendengaran adalah ancaman utama bukan sahaja terhadap komunikasi tetapi juga kepada kehidupan peribadi dan sosial individu. Selain itu, perkembangan kanak-kanak bermasalah pendengaran bergantung kepada tahap kehilangan pendengaran dan umur semasa mengalami masalah pekak.

Kanak-kanak bermasalah pendengaran mempunyai tiga rangkap kecacatan iaitu disebabkan mereka tidak dapat mendengar, tidak dapat bertutur dan tidak dapat berfikir seperti kanak-kanak normal (Jamila, 2006). Golongan berkeperluan khas merupakan golongan yang mampu berdikari serta dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara sekiranya mereka diberi peluang untuk memikul tanggungjawab sesuai dengan keupayaan mereka. Hal ini akan menjadi realiti sekiranya golongan ini mendapat perhatian dari pelbagai pihak dalam proses menyediakan latihan dan kemahiran agar dengan kemahiran yang dimiliki memberi jaminan kepada mereka tentang peluang pekerjaan yang sesuai. Secara umumnya, masyarakat juga merupakan faktor penyumbang untuk meningkatkan kerjaya golongan berkeperluan khas ini.

Dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9), kerajaan telah memasukkan cadangan untuk memperbanyakkan lagi pusat-pusat latihan kemahiran atau vokasional untuk orang kurang upaya bagi membantu mereka supaya lebih berdikari. Ini merupakan satu pelaburan yang besar dan berani kerana kerajaan yakin bahawa orang kurang upaya juga boleh memberi sumbangan besar dan penting kepada

negara sekiranya mereka diberi latihan, kemahiran yang teratur dan berterusan (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2008). Politeknik Malaysia telah membuka lembaran baru dengan menyediakan Program Pendidikan Khas kepada golongan khas untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang teknik dan vokasional. Peluang ini telah dibuka kepada pelajar berkeperluan khas yang telah menamatkan persekolahan pada peringkat sekolah menengah.

Terdapat tiga buah politeknik yang terlibat dalam Program Pendidikan Khas ini iaitu Politeknik Ungku Omar (Perak), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Shah Alam) dan Politeknik Johor Bahru (Johor). Ketiga-tiga politeknik ini telah membuat pengambilan pelajar secara serentak bagi kemasukan yang pertama pada Jun 2000. Manakala kursus yang ditawarkan juga terhad iaitu hanya kursus dalam bidang kejuruteraan awam dan mekanikal, hospitaliti, fesyen dan rekabentuk grafik sahaja.

1.2 Latar belakang masalah

Pendidikan adalah cara yang paling berkesan untuk mobiliti sosial, kehidupan berdikari dan juga menjamin kesejahteraan hidup. Individu kurang upaya juga mempunyai minat, hasrat dan cita-cita yang setanding dengan individu normal. Oleh yang demikian, individu kurang upaya perlu diberi peluang pendidikan yang setanding dengan rakan mereka yang normal. Walau bagaimana pun, kini timbul persoalan setakat mana pendidikan dan perkhidmatan khas yang disediakan untuk pelajar khas menjamin mereka boleh meningkatkan taraf kehidupan, lebih berdikari dan menjadi lebih produktif. Isu penting adalah sejauh manakah tahap keyakinan, kepercayaan yang wujud dalam diri pelajar-pelajar ini dapat mendorong mereka ke arah mencapai aspirasi kerjaya.

Jika memiliki taraf pendidikan yang setaraf, sudah semestinya pekerjaan menjadi satu hala tuju dalam kehidupan seseorang individu dan tidak terkecuali golongan OKU. Ramai yang masih tidak mempunyai pekerjaan walaupun sudah berada di sekolah hingga berumur 19 tahun. Secara keseluruhannya, golongan ini masih bergantung pada keluarga dan belas kasihan masyarakat. Ketidakupayaan golongan ini menyebabkan peluang mendapatkan pekerjaan terhalang ataupun tersekat. Apa yang dialami oleh OKU di Malaysia tidak jauh tersasar daripada

masalah yang berlaku di luar negara, khususnya di Amerika Syarikat. Apa yang berbeza adalah kemudahan dan bidang latihan untuk golongan ini di negara maju adalah jauh lebih baik berbanding di negara kita (Zinaida, 2006).

Golongan OKU perlu bersedia menerima sebarang cabaran dan menguasai sesuatu kemahiran dalam sesuatu bidang kerjaya yang ingin diceburi. Oleh itu, OKU perlu meningkatkan kualiti dan imej diri, menunjukkan sikap tanggungjawab, sentiasa merebut peluang untuk maju, tidak mudah tersinggung dan malu. Golongan ini juga perlu berusaha supaya sentiasa produktif, berdisiplin, mengikis dan mengubah sikap supaya tidak sentiasa menyerah kepada takdir dan menunjukkan kemahiran dalam sesuatu bidang yang dikuasai seperti orang lain. Mereka juga perlu bersikap lebih berani dan terbuka dalam pemikiran bagi menerima cabaran baru jika ingin meraih kejayaan. Bidang kerjaya yang diceburi lebih luas iaitu melibatkan semua golongan masyarakat dan tidak hanya tertumpu kepada sesuatu kumpulan minoriti sahaja. Sikap ingin bersama-sama rakan senasib harus dikikis. Tahap kepercayaan keupayaan diri yang gitu harus diterapkan dalam diri setiap golongan bermasalah ini. Mereka perlu berfikiran terbuka dan tidak takut menghadapi setiap cabaran. Keupayaan dan kebolehan fizikal serta intelek perlu difikirkan bagi menjamin golongan ini mampu menguasai bidang yang diceburi.

Kemahiran sosial sewajarnya didedahkan kepada pelajar bermasalah pendengaran supaya mereka dapat menguasai pekerjaan dan tahu berhubung dengan seluruh warga kerja yang akan berhubung dengan mereka setiap masa. Kemahiran sosial yang dapat dimasukkan dalam program latihan dan kemahiran ini adalah berkaitan dengan kemahiran mengikut arahan, menerima kritikan, meminta bantuan apabila perlu, dapat bekerjasama dengan rakan sekerja dan kemahiran berinteraksi dengan pelanggan.

Golongan ini juga perlu melibatkan diri dalam masyarakat bagi meningkatkan tahap kemahiran sosial sebagai persediaan mereka sebelum memasuki alam pekerjaan. Jika interaksi ini lebih banyak dilakukan, maka mereka akan lebih mahir dalam proses sosialisasi (Zinaida, 2006). Dalam proses peralihan ke alam dewasa dan pekerjaan, pelajar bermasalah pendengaran juga perlu mempunyai kemahiran, sikap dan motivasi serta keazaman sendiri untuk berjaya serta boleh melibatkan diri dalam persekitaran sosial yang baik. Kemahiran yang diperolehi di peringkat rendah seperti sekolah menengah hanyalah kemahiran asas dan golongan ini masih menghadapi

kesukaran untuk bersaing dengan pelajar normal apabila memasuki peringkat yang lebih tinggi seperti politeknik (Lokman & Nurul Qistina, 2009).

Oleh kerana penguasaan yang rendah dalam bidang akademik dan latihan vokasional, maka satu program untuk pelajar bermasalah pendengaran perlu dirancang dan dilaksanakan dengan teliti. Perlaksanaan itu akan dapat memberi kemahiran yang sesuai dengan ketidakupayaan yang dimiliki dengan bidang pekerjaan yang akan diceburi oleh mereka. Program latihan dan kemahiran ini dapat menjamin masa depan OKU yang ingin bersaing dalam pasaran kerja. Para sarjana dalam bidang pendidikan mula menitikberatkan keperluan khas yang diperlukan oleh pelajar pendidikan khas dengan memberikan peluang pendidikan dalam bidang vokasional kepada mereka. Ini menyebabkan bidang vokasional memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan hidup golongan khas. Pendidikan vokasional menjadi salah satu keperluan penting kepada pelajar pendidikan khas ini menceburkan diri dalam pendidikan vokasional. Kebanyakan bidang kursus vokasional yang diambil oleh pelajar pendidikan khas telah menjadikan mereka mampu menunjukkan mutu kerja yang cemerlang selepas tamat pengajian.

Terdapat 10 faktor mengapa pelajar bermasalah pendengaran memilih untuk melanjutkan pengajian di politeknik iaitu lokasi, kos, kelompok sebaya, enrolmen terbuka, peperiksaan kemasukan, program pengajian, saiz kelas, kursus yang ditawarkan, jangkamasa program dan perkhidmatan sokongan. Tiga faktor iaitu, enrolmen terbuka, peperiksaan kemasukan dan perkhidmatan sokongan adalah merupakan proses paling penting dalam membuat keputusan untuk memilih melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi (Cocchi, 1999). Dapatan kajian menunjukkan program pengajian dua tahun lebih banyak memberikan sokongan dan keperluan teknikal dan vokasional kepada pelajar bermasalah pendengaran berbanding program pengajian selama empat tahun (Stodden, Conway & Chang, 2003).

Selain itu, Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) pula merupakan salah satu Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ditubuhkan untuk melahirkan lulusan separa professional dalam bidang kejuruteraan, perdagangan serta hospitaliti dan fesyen di peringkat sijil bagi memenuhi keperluan sumber manusia di sektor awam dan swasta. Strategi pelaksanaan kuliah secara percantuman dalam Program Pendidikan Khas di Politeknik Malaysia kurang memainkan peranan dalam meningkatkan proses sosialisasi pelajar bermasalah

pendengaran. Ini kerana masih ada pelajar bermasalah pendengaran yang berasa rendah diri dan terpinggir. Oleh itu, proses sosialisasi boleh ditingkatkan sekiranya pelajar bermasalah pendengaran tersebut mengubah sikapnya yang mudah berasa rendah diri dan cuba menanam sikap mempunyai keyakinan ke atas diri sendiri dalam menjalankan tugas sebagai seorang pelajar (Lily, 2004).

Semakin hari semakin bertambah bilangan pelajar-pelajar OKU di IPTA tempatan. Pertambahan ini adalah disebabkan lebih ramai pelajar yang mengalami masalah pendengaran berkelayakan untuk meneruskan pengajian di Politeknik yang menawarkan program pendidikan secara inklusif (Jamila, 2006). Oleh yang demikian, kemudahan dan peluang yang diberikan oleh kerajaan ini telah menggalakkan lagi golongan OKU ini untuk mendapatkan pelajaran dan latihan diperingkat lebih tinggi. Ini seterusnya akan meningkatkan lagi jumlah graduan OKU dari setahun ke setahun.

Kesan daripada galakkan kerajaan tersebut, menyebabkan pertambahan bilangan graduan kurang upaya dan telah mewujudkan persaingan untuk mendapatkan pekerjaan. Persaingan yang perlu dihadapi bukan sahaja dalam kalangan OKU malah mereka perlu bersaing dengan individu normal lain. Lazimnya hanya pekerja atau pelajar yang kompeten dan mempunyai kemahiran mampu menempatkan diri dalam alam pekerjaan. Ini bererti persaingan untuk mendapatkan tempat dalam sesebuah organisasi adalah sengit disamping perlu bersaing dengan individu normal lain. Namun, masyarakat masih lagi menunjukkan sikap prajudis terhadap keupayaan mereka dalam bidang kerjaya walaupun telah memiliki kemahiran di bidang-bidang tertentu. Oleh itu, konsep masyarakat penyayang perlu direalisasikan agar individu berkeperluan khas ini diberi peluang berintegrasi dengan ahli komuniti secara positif dan jaminan kehidupan berkualiti. Terdapat sebahagian daripada orang kurang upaya yang berminat untuk bekerja makan gaji tetapi berasa bimbang sekiranya mereka tidak dapat diterima oleh majikan dan komuniti di sekitar tempat kerja tersebut (Fatimah, 2008). Oleh itu perlu diberikan keyakinan kepada pihak majikan tentang kebolehan dan keupayaan pekerja bermasalah pendengaran dengan menunjukkan reputasi yang baik setanding dengan pekerja normal yang lain.

Tanpa aspirasi pelajar-pelajar ini mungkin membuat kesilapan tentang kerjaya mereka. Keadaan ini menyebabkan pelajar masih belum jelas tentang minat dan aspirasi diri serta kurang pasti akan hala tuju mereka selepas tamat belajar. Kesilapan memilih kerjaya juga akan mengundang sikap tidak bersemangat untuk

bekerja. Keadaan ini adalah disebabkan oleh minat yang kurang dalam kerjaya yang dipilih ataupun yang diperolehi. Pemilihan kerjaya yang menepati kehendak, minat, bakat, kebolehan dan kelayakan seseorang bukanlah sesuatu yang mudah. Tidak dapat dinafikan bahawa jenis pekerjaan yang dipilih akan mempengaruhi konsep sendiri, nilai kesejahteraan dan kepuasan hidup seseorang individu (Raman, 2000).

Maka, pendidikan khas di politeknik adalah satu langkah yang diambil untuk memberi peluang kepada pelajar bermasalah pendengaran untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang kemahiran vokasional ini. Ini membuktikan bahawa golongan ini juga mampu melakukan perkara yang dilakukan oleh golongan yang normal untuk melanjutkan pelajaran dan kesediaan diri ke arah menempuhi alam pekerjaan dalam bidang industri memandangkan sudah ramai pekerja golongan khas terdapat dalam mana-mana sektor pekerjaan. Ianya juga ke arah membina jati diri golongan ini untuk terus berdaya saing seiring dengan pelajar normal.

1.3 Pernyataan masalah

Terdapat pelbagai spekulasi yang menyatakan golongan kurang upaya tidak akan dapat bersaing dengan golongan normal dari aspek kerjaya, ini disebabkan oleh halangan fizikal. Maka hal-hal ini telah menjuruskan kepada isu penggangguran dalam kalangan mereka. Salah satu punca sebenar masalah ini timbul disebabkan kurangnya penawaran kerja untuk golongan ini. Sebilangan dari pelajar-pelajar ini juga dikatakan kurang mendapat pendedahan tentang kerjaya yang akan mereka ceburi kelak. Namun begitu, permasalahan timbul apabila masih terdapat pelajar berkeperluan khas kategori bermasalah pendengaran ini yang tercicir berikutan faktor kurang upaya mereka untuk lebih berkeyakinan pada diri sendiri. Pelajar-pelajar bermasalah pendengaran menghadapi masalah dalam menguasai pengetahuan dan kemahiran yang diberikan kerana tahap kemampuan mereka masih di tahap rendah dan sukar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran yang baru (Lokman & Nurul Qistina, 2009). Ramai dikalangan mereka yang lebih suka untuk meminggirkan diri kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan. Oleh yang demikian, individu kurang upaya perlu diberi peluang pendidikan yang setanding dengan rakan mereka yang normal.

Berdasarkan kepada isu kerjaya bagi golongan kurang upaya yang sukar mendapat tempat disektor industri semakin diperkatakan, yang meliputi aspek peluang pekerjaan, kemahiran yang diperlukan, ditambah pula dengan kemampuan fizikal yang kurang, pandangan masyarakat, pihak industri dan sebagainya. Satu langkah perlu diambil untuk memastikan pelajar-pelajar bermasalah pendengaran ini berada di laluan kerjaya yang betul ke arah mencapai aspirasi kerjaya mereka. Oleh yang demikian, satu kajian dijalankan untuk mengenal pasti tahap elemen-elemen yang saling berkait rapat ke arah mencapai aspirasi kerjaya pelajar yang mengikuti program pengajian di politeknik telah dijalankan. Kajian ini memfokuskan kepada penilaian pelajar bermasalah pendengaran dari sudut tahap kepercayaan keupayaan diri beserta keinginan, tahap jangkaan hasil, tahap kesedaran tingkahlaku atau sikap dan faktor dominan yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar ke arah mencapai aspirasi kerjaya.

1.4 Objektif kajian

Objektif-objektif kajian ini adalah untuk :

- (i) Mengetahui tahap kepercayaan keupayaan diri pelajar bermasalah pendengaran.
- (ii) Mengetahui tahap jangkaan hasil ke arah mencapai aspirasi kerjaya dalam kalangan pelajar bermasalah pendengaran.
- (iii) Mengetahui tahap terhadap tingkah laku dari aspek kematangan kerjaya pelajar bermasalah pendengaran
- (iv) Mengetahui sama ada terdapat perbezaan di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam kecenderungan ke arah mencapai aspirasi kerjaya
- (v) Mengetahui faktor dominan yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar bermasalah pendengaran.

1.5 Persoalan kajian

Berikut merupakan persoalan kajian yang ingin dijawab oleh pengkaji dalam kajian ini :

- (i) Apakah tahap kepercayaan keupayaan diri pelajar bermasalah pendengaran?
- (ii) Apakah tahap jangkaan hasil ke arah mencapai aspirasi kerjaya dalam kalangan pelajar bermasalah pendengaran?
- (iii) Sejauh manakah tingkah laku pelajar dari aspek kematangan kerjaya pelajar bermasalah pendengaran?
- (iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam kecenderungan ke arah mencapai aspirasi kerjaya?
- (v) Apakah faktor dominan yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar bermasalah pendengaran?

1.6 Hipotesis kajian

- (i) Perbezaan terhadap kecenderungan ke arah mencapai aspirasi kerjaya di antara pelajar lelaki dan perempuan bermasalah pendengaran di politeknik .


Ho : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap kecenderungan mereka ke arah mencapai aspirasi kerjaya.

Ha : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap kecenderungan mereka ke arah mencapai aspirasi kerjaya.

1.7 Kerangka teori

Kerangka teori dalam kajian ini telah diadaptasi dan diubahsuai dari Model Teori Sosial Kognitif Kerjaya dalam Pelaksanaan dalam Smith (2002) yang terdapat dalam jurnal bertajuk *The Role of Social Cognitive Career Theory in Information Technology based Academic Performance*. Teori ini menerangkan bahawa aspirasi

kerjaya dan pembangunan kerjaya bagi seseorang individu adalah dipengaruhi oleh kombinasi kelakuan, kepercayaan keupayaan diri, jangkaan hasil dan tangkalah laku dari aspek kematangan kerjaya serta matlamat dalam diri individu tersebut. Teori ini menyatakan jika seseorang individu percaya keupayaan dan kebolehan dirinya untuk berjaya dan mempunyai jangkaan atau harapan terhadap sesuatu kejayaan, mereka akan bertindak ke arah mencapai matlamat dalam kerjaya. Kerangka teori kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1.1



Rajah 1.1: Elemen-elemen ke arah mencapai aspirasi kerjaya, Adaptasi dan ubahsuai dari (Smith, 2002). Model Teori Sosial Kognitif Kerjaya dalam Pelaksanaan.

1.8 Kepentingan kajian

Pengkaji berminat untuk menjalankan kajian ini disebabkan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar OKU adalah cukup terhad dan mencabar. Namun untuk memastikan halatuju kerjaya mereka dalam landasan yang sewajarnya, kita harus mengetahui sejauhmanakah aspirasi kerjaya dalam diri mereka, maka satu kajian untuk mengetahui sejauhmanakah aspirasi kerjaya atau cita-cita ke arah memperoleh kerjaya yang diidamkan-idamkan wujud dalam diri pelajar khas telah dijalankan. Melalui kajian ini kita dapat mengenalpasti tahap kepercayaan keupayaan diri, tahap jangkaan hasil, serta tingkahlaku dari aspek kematangan kerjaya. Faktor dominan yang mempengaruhi kecenderungan mereka seperti sokongan keluarga dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran ke arah mencapai aspirasi kerjaya dapat dikenalpasti. Di harap kajian ini dapat memberikan perspektif baru dan menjadi panduan kepada para pensyarah mahupun kaunselor di politeknik dalam meningkatkan pengetahuan pelajar bermasalah pendengaran tentang diri serta

kerjaya yang bakal mereka ceburi seterusnya akan melahirkan pelajar yang berkualiti dan dinamik dalam pekerjaan walaupun mereka tidak sempurna seperti insan lain.

1.9 Skop kajian

Oleh kerana Politeknik Malaysia adalah satu-satunya institusi pengajian awam yang menawarkan kursus untuk pelajar bermasalah pendengaran, maka kajian ini tertumpu kepada pelajar bermasalah pendengaran di politeknik sahaja. Skop kajian ini menumpukan kepada usaha untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan untuk mengenalpasti tahap kepercayaan keupayaan diri pelajar bermasalah pendengaran berdasarkan penilaian terhadap beberapa indikator terpenting seperti pengalaman penguasaan, psikologi, pembelajaran imaginatif dan pujukan sosial. Seterusnya untuk mengetahui tahap jangkaan hasil pelajar terhadap apa yang telah mereka ceburi, terhadap apa yang mereka impikan dan juga untuk mengetahui apakah langkah yang pelajar-pelajar ini ambil untuk mencapai apa yang diimpikan dalam kerjaya dari sudut tingkahlaku ke arah kematangan kerjaya. Kajian ini juga memfokuskan kepada untuk mengetahui terdapatkah perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan ke arah mencapai aspirasi kerjaya. Skop kajian ini juga tidak boleh tersasar jauh dari untuk mengenalpast faktor dominan yang mempengaruhi kecenderungan akademik pelajar.

1.10 Batasan kajian

Dalam kajian ini, pengkaji membataskan kajian dijalankan hanya kepada pelajar bermasalah pendengaran di tiga buah politeknik iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Jabatan Kejuruteraan Mekanikal), Politeknik Ungku Omar (Jabatan Kejuruteraan Awam) dan Politeknik Johor Bahru (Jabatan Hospitaliti dan Fesyen dan Jabatan Rekabentuk) sahaja. Ini disebabkan oleh hanya politeknik-politeknik ini yang telah lama bertapak dan juga telah melahirkan pelajar secara berperingkat-peringkat. Namun, seperti yang diketahui umum untuk pengambilan Disember 2011, telah terdapat pertambahan dua buah politeknik yang menawarkan kursus Sijil Pengurusan Hotel dan Katering kepada pelajar bermasalah pendengaran iaitu di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dan Politeknik Kota Kinabalu. Pengkaji

membantaskan kajian hanya kepada tiga buah politeknik terawal sahaja kerana dua buah politeknik baru ini masih diperingkat awal dan bilangan responden masih kurang.

1.10 Definisi operasi

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang sering digunakan. Bagi memberikan kefahaman yang lebih jelas dan bertepatan dengan maksud kajian ini, definisi-definisi istilah tersebut dinyatakan seperti di bawah.

(i) Aspirasi

Keinginan yang kuat untuk mencapai atau mengadakan sesuatu dan lain-lain. Dalam kajian ini bermaksud, keinginan pelajar bermasalah pendengaran untuk mencapai apa yang mereka inginkan dalam kehidupan atau pelajaran.

(ii) Kerjaya

Kerjaya bermaksud usaha atau cara mencari nafkah seperti dengan makan gaji, berniaga dan sebagainya. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan atau profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara untuk mencari nafkah. Halatuju kerjaya yang pelajar bermasalah pendengaran setelah tamat pengajian.

(iii) Aspirasi kerjaya

Pekerjaan yang dikehendaki oleh seseorang sekiranya diberi kebebasan memilih. Ia merupakan cita-cita seseorang terhadap sesuatu pekerjaan tanpa mengira halangan-halangan yang mungkin dihadapinya. Dalam konteks kajian ini, fokus utama adalah berkaitan aspirasi kerjaya pelajar bermasalah pendengaran dan bagaimana perspektif ini dapat dinilai, ia adalah berdasarkan elemen-elemen yang akan dikaji oleh pengkaji.

(iv) Pelajar berkeperluan khas

Pelajar kurang upaya iaitu bermasalah pendengaran, penglihatan, fizikal dan terencat akal. Dalam kajian ini, pelajar-pelajar berkeperluan khas adalah pelajar bermasalah pendengara yang mengikuti program pengajian di tiga buah Politeknik, Malaysia.

(v) Pendidikan khas

Pendidikan khas merujuk kepada pendidikan pelajar luar biasa dari segi intelek, jasmani, sosial atau emosi, tidak mencapai pertumbuhan dan penyuburan biasa hinggakan mereka tidak mendapat faedah sepenuhnya dari rancangan sekolah biasa. Pendidikan khas disediakan untuk kanak-kanak seperti bermasalah pendengaran, cacat penglihatan, terencat akal, cacat fizikal dan termasuk pelajar pintar cerdas. Dalam kajian ini, hanyalah melibatkan pelajar bermasalah pendengaran.

(vi) Program pendidikan khas

Program Pendidikan Khas ialah satu susunan aktiviti yang menyediakan pendidikan kepada golongan khas yang terdiri daripada pelajar yang cacat penglihatan, pendengaran, fizikal dan terencat akal. Program Pendidikan Khas di Politeknik Malaysia dijalankan untuk pelajar bermasalah pendengaran adalah untuk membantu golongan khas ini mendapatkan pendidikan untuk menambahkan ilmu pengetahuan sama.

(vii) Kecenderungan

Minat dan kecenderungan memainkan peranan untuk mempengaruhi ke arah mencapai apa-apa yang telah dicita-citakan. Kecenderungan memberi maksud kesukaan, keinginan, kemahuan, kecondongan (bukan bakat, hati). Kecenderungan akademik pelajar bermasalah pendengaran ke arah mencapai apa yang mereka impikan.

(viii) Kepercayaan keupayaan diri

Kepercayaan keupayaan diri ialah keupayaan seseorang individu melakukan sesuatu tugas hingga mencapai satu tahap yang tertentu. Pertimbangan seseorang individu terhadap kebolehan dirinya untuk mengatur dan melaksanakan haluan diri atau

matlamat diri. Dalam kajian ini kepercayaan keupayaan diri adalah berhubungkait dengan sikap kepada diri dan kemampuan bertindak mengikut kesesuaian situasi dan keadaan.

(ix) Jangkaan hasil

Kepercayaan peribadi mengenai kemungkinan yang akan berlaku akibat sesuatu tindakan. Jangkaan hasil ini dijana oleh pengalaman pembelajaran dan akan membentuk minat dan kelakuan motivasi diri. Mendorong pelajar ini untuk terus berusaha bagi mencapai apa yang mereka cita-citakan, apa yang mereka impikan.

(x) Tingkahlaku

Kelakuan ialah gerak-geri yang dilakukan oleh seseorang individu. Tingkahlaku atau gelagat juga merupakan tindakan tertentu terhadap seseorang atau sesuatu perkara. Keyakinan individu ke atas sesuatu akan mempengaruhi cara bertindak dan berkelakuan. Ke kerapannya melakukan aktiviti ke arah mencapai apa yang diinginkan seperti aspirasi kerjaya.

(xi) Politeknik

Politeknik memberikan maksud pusat pengajian tinggi awam yang menawarkan pelbagai kursus terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Dalam kajian ini, politeknik merupakan kawasan kajian bagi mendapatkan data yang dikehendaki. Terdapat tiga politeknik yang terlibat iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Politeknik Ungku Omar dan Politeknik Johor Bahru.

1.12 Rumusan

Bab ini menerangkan tentang pengenalan terhadap kajian yang dijalankan dari latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasi. Latar belakang mengenai kajian yang diperihalkan dalam bab ini akan dijelaskan dalam bab seterusnya iaitu Bab 2.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, kajian literatur dikemukakan untuk menyokong dan mengukuhkan tajuk kajian. Bab ini juga dapat menentukan sejauh mana signifikan kajian yang telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Terdapat beberapa faktor penting tujuan kajian literatur ini dijalankan antaranya ialah untuk mengelak sebarang pencarian yang tidak diperlukan. Kebaikkan membuat kajian literatur ini adalah untuk membantu pengkaji membuat fasa rekabentuk kajian, membuat keputusan tentang apakah jenis-jenis pemboleh ubah yang harus diambil kira dan uji, membuat prosedur kajian dan sebagainya (Borden & Abbott, 2002). Kebanyakan sumber yang diperolehi adalah daripada jurnal, buku rujukan, tesis, penulisan teknikal dan sebagainya. Pemahaman tentang kajian literatur adalah sangat penting kerana ia akan menyokong fakta-fakta yang diperolehi melalui kajian.

2.2 Program Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia

Pendidikan khas Kementerian Pelajaran Malaysia dilaksanakan melalui Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (2011) :

- (i) Sekolah khas bagi pelajar bermasalah penglihatan dan bermasalah pendengaran.

- (ii) Program Pendidikan Khas Integrasi disediakan untuk pelajar khas bermasalah pendengaran, bermasalah pembelajaran, bermasalah penglihatan. Ia diwujudkan di sekolah menengah dan sekolah vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif.

Pendidikan menengah menyediakan 2 jenis aliran iaitu aliran akademik dan vokasional di mana pendidikan teknik dan vokasional adalah seperti :

(i) Sekolah Khas

Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang menawarkan mata pelajaran vokasional (MPV) manakala Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia.

(ii) Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pendengaran

- (a) Sekolah Menengah Vokasional (ERT) Azizah, Johor Bahru.
- (b) Sekolah Menengah Vokasional Langkawi, Kedah.
- (c) Sekolah Menengah Vokasional Batu Pahat, Johor.
- (d) Sekolah Menengah Vokasional Bagan Serai, Perak.
- (e) Sekolah Menengah Vokasional Tanah Merah, Kelantan.
- (f) Sekolah Menengah Vokasional Keningau, Sabah.

2.3 Pendidikan vokasional untuk pelajar khas bermasalah pendengaran

Pendidikan vokasional seharusnya dibentuk untuk menyediakan pengalaman secara praktikal dan bermakna kepada pelajar khas bermasalah pendengaran. Tujuan utama pendidikan vokasional ialah untuk membuat penyatuan yang berkesan kepada pelajar khas bermasalah pendengaran ke alam pekerjaan. Untuk mencapai impian ini, maka pengajaran berbentuk kemahiran kerjaya khusus dan kemahiran asas akademik sangat diperlukan. Paling penting, kemahiran yang dipelajari amat diperlukan dalam kehidupan alam pekerjaan yang sebenar.

Pendidikan vokasional merangkumi semua aspek pekerjaan, termasuk teori dan kemahiran teknikal. Pendidikan vokasional yang juga dikenali sebagai

pendidikan kerjaya berpusatkan kehidupan *Life-Centered Career Education* ini sangat berfaedah kerana pendekatan pengajarannya disusun berdasarkan tiga bidang kurikulum; iaitu kemahiran kehidupan seharian, kemahiran sosial secara peribadi, dan bimbingan atau penyediaan untuk alam kerjaya. Matlamat dan objektif pendidikan vokasional juga adalah untuk memaksimumkan keupayaan pelajar khas bermasalah pendengaran dalam menjalankan kehidupan bebas dalam kalangan masyarakat setempat.

Jaminan pendidikan yang memenuhi keperluan pendidikan vokasional untuk pelajar khas bermasalah pendengaran adalah sangat diperlukan. Contohnya di Amerika Syarikat, pembubalan Undang-Undang Perkin yang menuntut jaminan tertentu disediakan untuk membantu memastikan terdapatnya peluang pekerjaan kepada pelajar yang bermasalah pendengaran. Jaminan ini termasuk kurikulum yang bersesuaian, kaunseling pembangunan kerjaya, penilaian terhadap minat, kemampuan dan keperluan khas bermasalah pendengaran dan perkhidmatan lain untuk memudahkan peralihan pelajar khas bermasalah pendengaran tersebut ke peringkat pengajian lebih tinggi. Sekiranya pendidikan vokasional masih lagi belum dilaksanakan sepenuhnya, maka golongan pendidik dalam pendidikan khas haruslah menyusun dan membentuk semula program yang sesuai untuk populasi istimewa ini (Kraska, 1996).

2.4 Senario pembangunan kerjaya

Pada peringkat ini, mereka akan mula membuat pemilihan mata pelajaran yang ada hubungannya dengan bidang pengajian yang akan diikuti apabila melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi. Pemilihan ini dipengaruhi oleh pola-pola pengetahuan dan jenis pekerjaan yang diminati oleh mereka. Jika pemilihan ini adalah tepat, maka tidak akan ada isu berkaitan aspirasi kerjaya dalam kalangan pelajar-pelajar ini.

Terdapat kajian yang berkaitan latihan vokasional dan penempatan pekerjaan dalam kalangan orang kurang upaya seperti cacat penglihatan di Malaysia. Masalah penempatan pekerjaan dalam kalangan orang kurang upaya di negara ini sebagai suatu hal yang bermula dari sekolah. Keadaan ini disebabkan kurangnya pendedahan yang diberikan kepada pelajar khas bermasalah pendengaran berkaitan peluang-

peluang kerja, jenis-jenis serta bentuk pekerjaan yang sesuai mengikut kebolehan, kesesuaian dan kemampuan pelajar. Konsep sendiri di kalangan mereka juga tidak harus dipandang remeh oleh mana-mana pihak, ianya akan menjuruskan kepada pelajar agar lebih beraspirasi dalam memperoleh kerjaya yang mereka idamkan. Oleh itu, kajian-kajian yang berasaskan vokasional bagi pelajar khas bermasalah pendengaran amat ditekan.

Berdasarkan perkembangan kerjaya individu kurang upaya, golongan ini mempunyai kemahiran kerja yang terhad, pendapatan yang kurang, kurang peluang pekerjaan malah ada yang lansung tidak bekerja setelah menamatkan pengajian. Malah ada dikalangan mereka yang meninggalkan alam persekolahan lebih awal tanpa dapat mempelajari kemahiran yang sepatutnya akan diguna pakai untuk menjawat pekerjaan yang sesuai. Terdapat 50-70 peratus golongan OKU yang tidak mempunyai pekerjaan di mana ia berkait rapat dengan sikap sesetengah masyarakat yang menunjukkan sikap prejudis dengan keupayaan golongan OKU untuk bekerja (Zinaida, 2006).

2.5 Peranan sekolah menengah dalam penyediaan pendidikan tertiar, pembelajaran sepanjang hayat dan peluang pekerjaan.

Pembangunan kerjaya adalah isu penting bagi pelajar di semua sekolah menengah. Pelajar memperolehi faedah daripada peluang-peluang di sekolah seperti pekerjaan separuh masa, penglibatan dalam kurikulum tambahan dan aktiviti-aktiviti komuniti, kerja sukarela, kaunseling dan penjelajahan kerjaya, dan aktiviti penilaian kerjaya (Benz & Kochhar, 1996). Peluang tersebut boleh membantu pelajar untuk membina kecederungan kerjaya mereka, memperolehi kemahiran pekerjaan *hands-on* fokus terhadap akademik pelajaran mereka dan membangunkan *soft skill* yang mesti dimiliki oleh seseorang pekerja yang efektif seperti kemahiran sosial dan interpersonal. Pembangunan kerjaya di sekolah menengah merupakan salah satu aktiviti pembangunan kerjaya dan pembelajaran sepanjang hayat yang membantu pencapaian peluang kerjaya professional (Stodden, Conway & Chang, 2003)

Walau bagaimanapun, kebanyakan pelajar khas bermasalah pendengaran tidak mempunyai capaian kepada aktiviti yang boleh meningkatkan peluang mereka disebabkan :

- (i) Kekurangan sokongan akademik dan kemudahan seperti capaian teknologi, sokongan peribadi yang membolehkan pelajar mempunyai masa dan sumber untuk mereka terlibat dalam aktiviti yang boleh menggalakkan pembangunan kerjaya mereka.
- (ii) Anggapan yang rendah oleh guru, kaunselor kerjaya, pentadbiran, keluarga dan pelajar lain tentang peluang yang bersesuaian kepada pelajar khas bermasalah pendengaran selepas tamat pengajian.
- (iii) Persediaan dan latihan akademik sekolah dan kaunselor kerjaya yang lemah untuk menyediakan panduan dan halatuju kerjaya terhadap pelajar khas bermasalah pendengaran.
- (iv) Hanya memfokuskan peralihan dan pekerjaan sebagai hasil titik statik dan tunggal sahaja berbanding sebagai proses sepanjang hayat.
- (v) Kurangnya peluang untuk pelajar khas bermasalah pendengaran menggunakan kemahiran *self-determination dan self-advocay* untuk mempunyai hak bagi membina konsep sendiri yang kukuh dalam diri mereka seperti membina matlamat diri, mempelajari keperluan hidup mereka, mengetahui kecenderungan mereka dalam pekerjaan, tahap kepercayaan keupayaan diri, tingkahlaku mereka dalam membangunkan kemahiran lain yang berhubungkait dengan pembangunan kerjaya seperti perancangan, penggunaan sumber dan sebagainya.

2.6 Peranan pendidikan tertiar dalam pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kerjaya.

Bagi pelajar khas bermasalah pendengaran yang telah menamatkan pengajiannya termasuk latihan teknikal dan vokasional, ia dapat meningkatkan peluang untuk memperoleh kerjaya yang terjamin. Selain itu, bagi individu berkeperluan khas, terdapat korelasi yang positif dalam gaji pekerja kerana tahap pendidikan lebih ditekankan (Stodden & Dowrick, 2001). Dapatan kajian NCSET (2001) juga mendapati pelajar khas bermasalah pendengaran yang tidak melanjutkan pengajian adalah disebabkan oleh tanggapan mereka sendiri dan masyarakat sekeliling tentang kepentingan pelajaran amat rendah dan tanpa pendidikan yang tinggi, pelajar-pelajar

ini akan menghadapi masalah untuk mendapat kerja dan kebanyakannya tidak begitu berketrampilan di tempat kerja.

Pembangunan kerjaya dan pembelajaran sepanjang hayat merupakan nilai-nilai yang perlu dipelajari dan diperkukuhkan semasa diperingkat sekolah menengah dan diperingkat tertiar agar mereka dapat mencapai kejayaan sepanjang kerjaya mereka, sama seperti pekerja kurang upaya yang perlu bersaing untuk pekerjaan dan peningkatan sepanjang kerjaya mereka. Menurut Grzeda (1999), elemen untuk melanjutkan pelajaran dan meneruskan pembelajaran sepanjang hayat yang boleh menghasilkan pembangunan konsep sendiri adalah termasuk :

- (i) Merasakan mereka mempunyai peluang di mana mereka boleh mengubah kerjaya dan persekitaran pekerjaan mereka.
- (ii) Kebolehan untuk merasai kepuasan seseorang yang mempunyai status yang terjamin dan keinginan untuk mempertingkatkan diri.
- (iii) Peluang untuk mengkaji kebolehan akademik dan minat terhadap kerjaya tersebut.
- (iv) Pembangunan kemahiran interpersonal dan pemikiran kritis
- (v) Kebolehan untuk memperoleh kemahiran baru dalam persekitaran yang berbeza.

Menurut (Stodden, Conway & Chang, 2003) untuk memastikan pelajar khas bermasalah pendengaran yang melanjutkan pelajaran memperolehi kelebihan daripada pendidikan mereka dan bersedia untuk menyertai kumpulan industri dan pekerjaan profesional, apa yang perlu adalah :

- (i) Memastikan kualiti dalam penyediaan kemudahan dan sokongan dalam pendidikan tertiar.
- (ii) Menggalakkan pelajar khas bermasalah pendengaran untuk mengenal pasti pelbagai jenis bidang kerjaya, aktiviti-aktiviti pembangunan kerjaya dan pilihan kerjaya.
- (iii) Membantu pelajar khas bermasalah pendengaran dengan mengatur dan menguruskan sokongan kampus dan komuniti dan mewujudkan hubungan antara kampus dengan sokongan pekerjaan.

- (iv) Merangsang dan menggalakkan pelajar khas bermasalah pendengaran untuk membangunkan kemahiran *self-advocacy* dan menganjurkan keperluan mereka.
- (v) Meningkatkan capaian terhadap teknologi alat bantu dalam persekitaran kampus.

2.7 Program pendidikan khas.

Program Pendidikan Khas bagi pelajar khas bermasalah pendengaran telah dilaksanakan di Politeknik Malaysia bermula pada awal Jun 2000 dan sehingga kini hanya lima buah politeknik yang menawarkan program pendidikan khas iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Politeknik Ungku Omar, Perak, Politeknik Johor Bharu, Johor, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dan Politeknik Kota Kinabalu. Tawaran kemasukan ditawarkan setiap dua kali dalam satu tahun iaitu pada sesi Januari dan Julai. Pemohon berkeperluan khas (masalah pendengaran) ialah pelajar lepasan tingkatan lima dari Sekolah Pendidikan Khas kelolaan Jabatan Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) atau program Pencantuman Pendidikan Khas di bawah KPM.

Jadual 2.1 : Jadual kursus Sijil Kemahiran Politeknik KPTM Bagi pelajar khas bermasalah pendengaran

KOD KURSUS	KURSUS	KOD POLITEKNIK				
		PSA	PUO	PJB	PKK	PSS
K04	Sijil Kemahiran (Awam Pembinaan)		√			
K30	Sijil Kemahiran (Penyelenggaraan Mekanikal)	√				
K65	Sijil Kemahiran Khas Politeknik (Hotel dan Katering)			√	√	√
K67	Sijil Kemahiran Khas Politeknik (Rekaan Fesyen dan Pakaian)			√		
K70	Sijil Kemahiran Khas Politeknik (Rekabentuk Grafik)			√		
		PSA	PUO	PJB	PKK	PSS

Petunjuk (√) Kursus yang ditawarkan di politeknik berkenaan

PSA	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam
PUO	Politeknik Ungku Omar, Perak
PJB	Politeknik Johor Bahru, Johor
PKK	Politeknik Kota Kinabalu, Sabah
PSS	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis

Walaupun Pendidikan Khas adalah untuk pelajar khas yang bermasalah namun matlamatnya adalah sama seperti matlamat pendidikan normal, iaitu untuk menghasilkan pelajar yang boleh menggunakan perkembangan fizikal dan mental dalam sesuatu persekitaran sosial yang diinginkan (Culatta & Werts, 2002). Pendidikan khas mempunyai komitmen untuk menghasilkan pelajar yang dapat menyumbang mengikut tahap keupayaan dan menjadi seorang yang lengkap secara sosial mengikut kebolehannya.

2.8 Aspirasi kerjaya

Sesuatu aspirasi kerjaya boleh dicapai jika seseorang pelajar itu mula memahami tentang minat dan keupayaan dirinya serta mempunyai matlamat yang jelas tentang masa depan. Keadaan ini penting untuk memastikan pelajar sentiasa fokus dan berada di laluan yang betul dalam mencapai aspirasi kerjaya. Aspirasi kerjaya ini penting kerana ia merupakan titik permulaan dalam pemilihan kerjaya seseorang individu dan bakal menentukan masa depan mereka. Pemilihan kerjaya yang menepati kehendak, minat, bakat, kebolehan dan kelayakan seseorang bukanlah sesuatu yang mudah. Tidak dapat dinafikan bahawa jenis pekerjaan yang dipilih akan mempengaruhi konsep sendiri, nilai, kesejahteraan dan kepuasan hidup seseorang individu (Raman, 2000).

Menurut Lueptow 1981 di dalam kajian Zakaria & T. Subahan (1999), aspirasi kerjaya ditakrifkan sebagai pekerjaan yang dikehendaki oleh seseorang sekiranya diberi kebebasan memilih. Ia merupakan cita-cita seseorang terhadap sesuatu pekerjaan tanpa mengira halangan-halangan yang mungkin dihadapinya. Oleh yang demikian, seharusnya kursus atau latihan yang disediakan di sebuah

institusi pengajian bukan sahaja dapat memenuhi kehendak majikan mahupun industri, malah ia dapat memenuhi aspirasi kerjaya para lulusannya. Aspirasi kerjaya penting kerana ia merupakan satu pembolehubah untuk memahami konsep sendiri, kerjaya dan ianya berkaitan dengan kelakuan, tanggapan sosial, masa depan pendidikan, pemilihan kerjaya dan juga pencapaian bagi seseorang individu (Rojewski, 2005). Minat juga sering dikaitkan dengan aspirasi kerana kedua-dua perkataan ini membawa maksud yang hampir sama, namun tetap terdapat perbezaan di antara kedua-duanya. Aspirasi mewakili matlamat individu dalam sesuatu keadaan manakala minat pula menggambarkan kecenderungan emosi individu itu ke arah pilihan kerjayanya.

Kajian lalu telah berjaya menunjukkan bahawa aspirasi kerjaya penting kerana ianya mampu meramalkan pencapaian seseorang individu itu pada masa akan datang. Kajian yang dijalankan oleh Strong telah menunjukkan bahawa terdapat kolerasi positif 0.69 di antara aspirasi kerjaya bagi seorang graduan dengan pencapaian kerjayanya selepas 19 tahun (Rojewski, 2005). Penyelidik pada hari ini bersetuju bahawa aspirasi kerjaya dan pendidikan pada peringkat remaja merupakan ramalan yang berguna dan mempengaruhi pilihan kerjaya dan pendidikan yang dibuat pada peringkat dewasa.

2.9 Teori aspirasi kerjaya

Berdasarkan pandangan teori, pembangunan, pencapaian dan ekspresi mengenai aspirasi dan jangkaan kerjaya boleh diterangkan melalui pelbagai teori. Antaranya ialah teori psikologi yang menekankan teori Super dan juga teori psikologi sosial yang menekankan teori sosial kognitif kerjaya.

2.9.1 Teori psikologi : Super

Teori pembangunan Super menggambarkan pembangunan kerjaya sebagai satu siri tugas vokasional yang khusus yang perlu diselesaikan berdasarkan kepada perkembangan, eksplorasi, pendirian dan perjuangan (Rojewski, 2005). Super juga menyatakan pemilihan kerjaya adalah berdasarkan kepada kematangan kerjaya

seseorang individu. Kematangan kerjaya berkait rapat dengan aspirasi kerjaya seseorang pelajar yang mana ianya melibatkan keselarian antara kelakuan kerjaya individu dengan kelakuan kerjaya yang dijangkakan bagi sesuatu tahap umur.

Kematangan kerjaya merupakan kesediaan individu dalam melaksanakan kerja-kerja yang berkait dengan kerjayanya pada tahap umur tertentu (Reardon, 2000). Tahap kematangan kerjaya dapat menentukan peringkat perkembangan kerjaya yang dicapai oleh seseorang individu dan bagaimana ia menghadapinya dan membuat persediaan untuk membuat keputusan kerjaya. Kematangan kerjaya seseorang individu dapat ditentukan dengan membuat perbandingan kedudukannya di mana sepatutnya dia berada seperti mana yang disarankan oleh Super di dalam (Gideon & Sonali, 2004). Kematangan kerjaya seseorang juga dapat ditentukan apabila membandingkan tingkah laku kerjayanya dengan tingkah laku individu lain yang berada dalam lingkungan umur yang sama.

2.9.2 Teori sosial kognitif kerjaya

Teori sosial kognitif kerjaya berada di dalam teori psikologi sosial yang mana lebih memfokuskan bahawa seseorang individu itu dibentuk berdasarkan pengalaman dan persekitaran. Teori ini juga dikenali sebagai teori pembangunan aspirasi vokasional dan telah ditimbulkan sebagai teori yang memberi pengaruh dalam menggambarkan pembangunan aspirasi kerjaya seseorang individu. Teori ini terhasil dengan memperluaskan teori sosial kognitif yang telah diperkenalkan oleh Bandura dan dibangunkan oleh Lent, Brown dan Heckett yang mana meliputi bidang akademik dan juga kerjaya (Smith, 2002).

Teori ini menggabungkan kepercayaan keupayaan diri, jangkaan hasil dan matlamat diri serta faktor pembelajaran untuk menerangkan pencapaian akademik dan pemilihan kerjaya seseorang individu (Rojewski, 2005). Menurut teori ini kerjaya personal adalah dipengaruhi oleh empat elemen penting iaitu kelakuan, kepercayaan, kepercayaan keupayaan diri, jangkaan hasil dan matlamat. Teori ini juga menyatakan bahawa aspirasi dan pembangunan kerjaya adalah dipengaruhi oleh kombinasi empat faktor di atas (Slyvia *et al.*, 2002).

Terdapat perbezaan di antara teori ini dengan kebanyakan teori kerjaya yang lain iaitu teori ini lebih menekankan sistem sendiri dan kepercayaan diri dengan

RUJUKAN

- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Keadah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. ms. 100-112.
- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai : Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia. ms. 20-25.
- Abd Rahman, Z., & Mohd Meerah, T. S., (1999). Aspirasi kerjaya di kalangan pelajar sekolah menengah vokasional pertanian. *Jurnal Pendidikan*, 24(2), 23-30.
- Ahmad, A. M. (2004). *Persepsi Pelajar Terhadap Amali Mata Pelajaran Vokasional Perabot Di Sekolah Menengah Akademik Di Negeri Johor*. Satu Tinjauan (UTM) : Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan.
- Ahmad, S. (2003). *Kemahiran Belajar Berkesan*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors.
- Ahmad, M.S dan Madon, Z. (2003). "Tip Pandai Belajar : Panduan Teknik-Teknik Berkesan Semasa Belajar Dan Mengajar." Bentong, Pahang : PTS Publications.
- Annamalai, A/L. R. (2000). *Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India Di Dua Buah Sekolah Menengah Di Pelabuhan Klang*. Universiti Malaya : Tesis Sarjana.
- Ariffin, Z. (2006). *Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya*. 1st ed. Bentong : PTS Professional Sdn. Bhd. ms 9-110

- Arulmani, G. & Sonali, N. A. (2004). The influence Of career beliefs and socio-economics status on the Career Decision Making Of High School Students In India. *International Jurnal for education and vocational Guidance* 3(5), 193-204.
- Arulmanni, G. & Sonali, N. A. (2004), 'Career Counseling A Handbook', New Delhi : Tata McGraw Hill. m/s 53-55.
- Asha'ari, N. L. (2006). *Ketrampilan Sosial di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia Di Negeri Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Benz, M. R., & Kochhar, C. A. (1996). School-to-Work Opputunities for All Students : A Potion Satement of the Division Career Development and Transition. *Career Development For Expectational Individuals*, 19(1). 31-38
- Borden, K. S., & Abbott, B. B., (2002). *Research Design and Method : A Process Approach*. 4th .ed. New York: MC Graw Hill.
- Bettina, L.B (1999), 'Career and Vocational Education Self-Efficacy Beliefs and Career Development, *Eric Digest* 205
- Chek, M. (Ed.) (2008). *Ujian Psikologi dan Pengurusan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & distributors Sdn. Bhd.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur : Mc Graw-Hill.
- Cocchi, W. (1999). The community college choice. *The PostSecondary LD Report*. Columbus, OH: Block Educational Consulting. Dicapai pada Januari 20, 2011 dari the World Wide Web:
<http://www.ldreport.com/articles/community.htm>
- Culatta, R., Tompkins, J., & Werts, M. (2002). *Fundamental of Special Education.: What Every Teacher Needs to know* 2nd ed. Maiden: Open University Press.
:

- Dahalan, A.F. (2006). *Penggunaan Teknologi Dalam Pembelajaran Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana.
- Emat, Y. (2005). *Pendidikan Teknik Dan Vokasional Di Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Gideon, A. *et al.* (2003), "The Influence Of Career Beliefs And Socio-Economics Status On The Career Decision Making Of High School Students In India." *International Journal For Education And Vocational Guidance 3*, : Kluwer Academic Publishers. m/s 193-204.
- Goodwin, C. J. (2002). *Research In Psychology : Method and Design*. 3rd . ed. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Grzeda, M. M. (1999). Re-conceptualizing career change : A career development perspective. *Career Development International*, 4(6). 305-311
- Idid, S. A. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka. 89-104.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur : Mc Graw-hill Malaysia Sdn
- Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia (2011, March). *Program Pendidikan*. Dicapai pada March 01, 2011, dari Portal Kementerian Pelajaran Malaysia: <http://www.moe.gov.my/?act=search&id=0&keyword=Jabatan+Pendidikan+Khas>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2010, Oktober). *Akta Orang Kurang Upaya (2008)*. Dicapai pada Feb 21, 2011, dari Bahagian Pembangunan Orang Kurang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : <http://www.jkmwpkl.gov.my/perkhidmatan-luar/orang-kurang-upaya-termasuk-pdk/>
- Johari, K. (2004). *Penyelidikan dalam Pendidikan: Konsep dan Prosedur*. Petaling Jaya : Pearson Malaysia Sdn.Bhd.

- Kamus Dewan (2008). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kraska, M. F. (1996). *Research Methodology : A Step-By-Step Guide For Beginners*. 1st. ed. London : Sage Publication.
- Mat, C. (Ed.) (2008). *Ujian Psikologi dan Pengurusan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & distributors Sdn. Bhd.
- Mat Sapri, Z. (2003) *Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar-Pelajar Pendidikan Khas Aliran Teknik Dan Vokasional : Satu Tinjauan*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Masters thesis.
- Mccbe, P. P (2003). Enhancing self-efficacy for high-stakes reading tests. The Reading Teacher, International Reading Association (pp 12-20) Vol 57 (1).
- Mohamad, A. (2005), *Psikologi Kejayaan* 2nd ed. Bentong: PTS Publication.
- Mohd Nor, N. & Mohamad, H. (2010). *Persepsi Majikan Terhadap Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Pekerja OKU (Fizikal) Di Industri Sederhana (Kejuruteraan Mekanikal) Daerah Johor Bharu*. ms. 1-6. Dicapai pada Februari 1, 2011 dari <http://eprints.utm.my/10868/>
- Mohd Tahir, L. & Mustafa, N. Q. (2009). Pendidikan dan Vokasional untuk pelajar berkeperluan Khas, *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24(1), 73-87.
- Mohd Kutty, J. (2006). *Pendidikan Khas Untuk Kanak-kanak Istimewa*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof, J. (1998). Tinjauan Beberapa faktor yang mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar dan Kewajaran Mereka Menerima Bantuan. KUiTTHO : Kajian Kes Jabatan Pendidikan dan Kemanusiaan.
- NCSET (2001). *Preparing Youth Disabilities for Successful Participation in Postsecondary Education and Employment : National Capacity Building Institute Proceeding*. Manoa : University of Hawaii.

- Ngah Ramli, S. (1998). Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pervin, L. A., Oliver, P. J., & Richard, W. R. (2005). *Handbook Personality (theory and research)*. New York : A Division of Guilford Publications, Inc.
- Politeknik Jabatan Pengajian Politeknik (2010, Disember). *Program Pelajar Khas Di Politeknik*. Dicapai pada March 12, 2011, dari Politeknik Jabatan Pengajian Politeknik:
http://www.politeknik.edu.my/WebBpP/mengenai_politeknik.aspx
- Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (2011, Januari). *Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas*. Dicapai pada 3 March 2011 dari portal Pusat Maklumat Setempat Pendidikan Khas :
http://pmspk.moe.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=152%3Apusat-perkhidmatan-pendidikan-khas&catid=71%3Aartikel&lang=bn
- Ramachaudran, V.S.(1998). Encyclopedia Of Human Behavior. *Self Efficacy*, 4(1), 71-81. Dicapai pada Februari 20, 2011, dari
http://scholar.google.com.my/scholar?q=Ramachaudran%2C+V.S.%281998%29.+Encyclopedia+Of+Human+Behavior.+Self+Efficacy%2C&hl=en&btnG=Search&as_sdt=1%2C5&as_sdt=on
- Raman A/L Annamalai (2000). *Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India Di Dua Buah Sekolah Menengah Di Pelabuhan Klang*; Kuala Lumpur : Universiti Malaya, Tesis Sarjana. m/s 1-8.
- Reardon, R. C. et al., (2000). *Career Development & Planning: A Comprehensive Approach*. Dicapai pada Disember 2, 2010, dari
<http://www.amazon.com/Career-Development-Planning-Comprehensive-Approach/dp/1426631359>
- Rojewski, J.W (2005). Occupational Aspirations : Constructs, Meanings, and Application. Dalam Steven, D. B., & Robert, W. L. (ed). “*Career Development And Counselling Putting Theory And Research To Work*”, United States : John Wiley & Sons. Inc. ms. 131-138.

- Saahat, Z. (2005). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pembelajaran Pelajar Khas (Cacat Pendengaran) Dalam Matapelajaran Vokasional*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Projek Sarjana Muda.
- Sayuti, S. *et al.* (2000). *Psikologi Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business*. United States of America : John Wiley & Sons, Inc.
- Siong, L. @ Mohamed, L. (2004). *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Program Pendidikan Khas di Politeknik Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia : Laporan Projek Sarjana.
- Smith, S.M. (1998), Using the Social Cognitive Model to Explain Vocational Interest in Formation Techonology', *Information Technology , Learning and Performance Journal*, Vol 20(2).
- Smith, S. M. (2002), The Role of Social Cognitive Career Theory in Information Technology. *Academi Performance Journal*. 20(2). 22-30.
- Steele, M. M. (2005). Teaching Students With Learning Disabilities : Constructivism Or Behaviorism. ProQuest.
- Stodden, R. A., & Dowrick, P. W. (2001). Post econdary ducation and employment of adults with disabilities. *American Rehabilitation*. 25(3). 19-23.
- Stodden R. A., Conway M. A., & Chang B. T. (2003). Professional Employment For Individuals With Disablities. *Discussion Paper* 19(2).
- Sylvia, H. *et al.*, (2002). Minority Students Committed to the Biomedical and Behavioral Sciences: Intention to Make a Constribution to Scientific Research. *Hingher Education Research Institute*. Los Angeles: University of California.
- Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (2008). Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010. Putrajaya.

- Venkatesh, V. *et al.* (2003). User Acceptance of Information Technology: Toward A unified View. *MIS Quarterly*, 27(3). 425-478.
- Vernon, G.Z. (2002). *Career Counseling Applied Concepts Of Life Planning*. 1st. ed. Wadsworth: Brooks/Cole. Ms. 88-94.
- Yahya, A. *et al.* (2004), 'Ciri-ciri personaliti dalam pemilihan kerjaya pelajar, Gaya pembelajaran pelajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik.' Universiti Teknologi Malaysia Skudai dan Universiti Teknologi Mara Segamat.
- Yusof, A. A. (2003). '*Gelagat Organisasi -Teori, Isu & Aplikasi.*' Selangor : Prentice Hall.
- Yusof, R. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn Bhd
- Zaharah. F (2001). Layanan Majikan. Di capai pada Januari 20, 2011 dari <http://www.scribd.com/doc/4810544/Layanan-Majikan>